

Rakyat diseru bekerja keras

KUALA LUMPUR 24 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru semua rakyat Malaysia supaya bekerja keras dan mengekalkan perpaduan kaum yang sedia ada bagi mencapai status negara maju.

Katanya, perpaduan kaum yang wujud kini merupakan satu kejayaan terbesar negara dan adalah hasil perjuangan Barisan Nasional (BN).

"Dengan konsep pemerintahan BN yang ada sekarang, kita akan mara hingga ke tahun 2020 bagi membolehkan kerajaan terus memendak kerana perjuangan masih belum tamat," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata demikian ketika berucap di perhimpunan raksasa sempena perayaan ulang tahun ke-20 BN, di Lapangan Merdeka, di sini, malam tadi.

Perhimpunan itu disertai oleh lebih 15,000 penyokong BN dan rakyat pelbagai kaum.

Beliau berkata, kejayaan ini selalunya telah menafikan kenyataan penjajah British sebelum ini bahawa negara ini hanya akan aman di bawah pemerintahan mereka.

Katanya, kerajaan akan menerus-

kan dasar pembahagian kekayaan yang diamalkan sekarang kerana ia menguntungkan semua kaum.

"Rusuhan kaum pada tahun 1969 telah menyedarkan kita dan oleh itu BN telah merancang untuk membahagi-bahagi kekayaan supaya semua kaum dapat menikmatinya di samping kita terus berjuang untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum kerana orang lapar tidak mengira kaum.

Mengimbangi kekayaan

"Kita harus membasmi kemiskinan untuk semua kaum di samping cuba mengimbangi kekayaan dengan kaum yang ada di Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan BN tidak menggunakan sistem yang digunakan di negara komunis yang mana mereka merampas harta orang kaya dan diberikan kepada orang miskin.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat negara ini tidak akan menikmati kejayaan jika mereka berperang sesama sendiri.

"Siapa yang akan melabur dalam Malaysia jika kita dalam keadaan berperang atau merusuh," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, kejayaan BN telah menggalakkan lebih ramai pelabur asing dari jauh dan dekat datang ke negara ini.

"Apabila mereka melabur maka ia akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita ...ini adalah satu kejayaan yang amat besar bagi negara kita," katanya.

Dalam ucapan hampir satu jam setengah itu, Dr. Mahathir juga membidas sikap media asing yang sentiasa sahaja memandang serong terhadap pencapaian dan perpaduan kaum rakyat di negara ini.

"Mereka merasa irihati kenapa Malaysia aman. Mereka kata, tak lama lagi akan meletup Malaysia ini. Mereka berkata 1974, 1976, 1980 dan sampai hari ini masih bercakap orang Malaysia hendak berperang," katanya.

Beliau berkata, surat khabar asing tidak menyiarkan cerita baik tentang Malaysia.

"Kononnya orang Malaysia ini tidak tahu mentadbir. Sebaliknya di zaman British dululah pembangunan pesat ...pesat apa ...yang adapun bangunan ini (bangunan Sultan Abdul Samad) dan kelab ini (Kelab Selangor)," katanya.

Katanya, walaupun kejayaan BN ini difitnah oleh akhbar-akhbar asing tetapi ia tetap mendapat pengiktirafan dunia.

"Sebab itu hari ini orang-orang

Afrika Selatan yang penduduk pelbagai kaum, ingin menghantar rombongan untuk belajar cara BN, mereka tidak pergi ke Ireland Utara atau Britain," katanya.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia bukannya ingin mendabik dada atau merasa angkuh dengan kejayaan yang dicapai, tetapi sekadar bersyukur dengan nikmat yang diberikan.